

Majlis akikah mewah bergantung pada niat

DIANUGERAHKAN cahaya mata adalah suatu 'hadiah' yang tidak ternilai bagi pasangan suami isteri. Tiada yang lebih bererti daripada diberikan zuriat yang menjadi penyambung keturunan.

Kegembiraan menerima cahaya mata ini disunatkan dengan mengadakan majlis akikah, dengan alim-ulama yang dijemput akan mendoakan bayi yang dirai supaya menjadi anak yang soleh atau solehah.

Mengikuti sunnah Nabi Muhammad SAW, melakukan majlis akikah merupakan sesuatu yang amat digalakkan bagi ibu bapa.

Mereka sememangnya digalakkan mengikut sunnah Nabi semasa mengadakan majlis akikah seperti memberi makan kepada tetamu, fakir miskin dan mengeratkan silaturahim.

Bagaimanapun, apa yang berlaku pada hari ini seolah menjadi ikutan apabila sesetengah majlis akikah diadakan secara bermewah-mewah.

Majlis akikah yang diadakan secara mewah dan hebat itu tidak boleh dihukum haram, namun persoalannya adakah niat di sebalik majlis tersebut.

Jika dilakukan di atas niat asas untuk berkongsi kegembiraan kerana mendapat cahaya mata, berkongsi nikmat bersama orang lain tidak kira kaya atau miskin dan mengikut syarak, memang tidak salah.

"Namun jika majlis tersebut dibuat kerana ingin mendapatkan liputan meluas, menjadi perbualan orang, pujian, orang melihat kemampuan dan kemewahan maka hukumnya adalah haram.

"Apa-apa sahaja yang kita hendak lakukan, kita mesti kembali kepada niat. Bagaimanapun, kalau mengikut sunnah Nabi, lakukan majlis akikah tersebut secara sederhana sahaja dan tidak menunjuk-nunjuk.

"Daripada berhabis kepada dekorasi, adalah lebih baik jika ditambah jumlah kambing yang hendak disembelih supaya dapat diberi makan kepada lebih ramai fakir miskin dan anak-anak yatim kerana

itu lebih afdal," kata **Ustaz Dr. Mohd. Izhar Ariff Mohd. Kashim**, Pensyarah Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Tambah beliau, Nabi SAW mengakikahkan ramai anak sahabat seperti Abdullah bin Abas. Dalam majlis tersebut, Nabi SAW mendoakan bayi dan memberi makan kepada fakir miskin.

"Oleh itu, dalam majlis akikah yang diadakan pastikan tetamu yang datang terdiri daripada alim-ulama dan golongan soleh agar mereka dapat mendoakan kesejahteraan kepada bayi dan keluarga. "Elakkan acara yang melanggar syarak. Jaga aurat. Ibu dan tetamu mestilah berpakaian yang sopan dan menutup aurat. Jika ibu tidak menutup aurat bagaimana kita hendak anak menjadi soleh atau solehah. Majlis pula hendaklah dipenuhi dengan acara-acara amal soleh.

"Ibu bapa boleh menjemput imam atau mufti untuk upacara belah mulut atau tahnik yang akan mengunyah kurma atau kismis dan disuapkan ke mulut bayi. Susuli pula dengan air zam-zam dan madu asli.

"Ulamak ini akan mendoakan anak yang didukung oleh si ibu atau ayah. Justeru, jagalah penampilan dan adab berpakaian.

"Upacara tahnik yang diajar oleh Nabi SAW dilakukan dalam masa tujuh hari selepas kelahiran bayi.

"Bayi akan diberikan nama yang baik-baik dan adakan majlis akikah dengan menyembelih sekurang-kurangnya satu ekor kambing bagi anak lelaki atau perempuan. Lebih tujuh hari pun masih boleh dilakukan selagi anak belum baligh.

"Tuan rumah juga janganlah hanya menjemput orang-orang kaya sahaja sedangkan orang miskin tidak dijemput. Ini mendatangkan kemurkaan Allah.

"Keberkatan majlis akan lebih dirasai dengan kehadiran golongan fakir miskin dan anak yatim dalam majlis anda," ujar beliau lagi.



DR. MOHD. IZHAR ARIFF MOHD. KASHIM